

Murid PML Luah Rasa 'Sayangi Malaysiaku'

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 14 September 2018 15:08 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 283

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)**JUMAAT, 14**

SEPTEMBER - Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak ketinggalan menyemai semangat cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak menjelang Sambutan Hari Malaysia tahun ini.

Menurut Pendaftar UMS, No'man Haji Ahmad, program tersebut dapat membentuk semangat perpaduan, semangat kekitaan, keharmonian serta perasaan kasih sayang yang kukuh kepada negara.

"Kita bangkit bersama membina semangat Sayangi Malaysiaku dalam menempuh segala dugaan dan rintangan. Tanpa rasa curiga, semua anggota masyarakat perlu bersatu padu memacu keutuhan ummah kearah memartabatkan bangsa dan negara," katanya ketika merasmikan program tersebut.

Sementara itu, Pengarah PML Aidah Noordin berkata sebagai rakyat Malaysia, perasaan cintakan negara perlu dipupuk ke dalam diri setiap kanak-kanak di negara ini yang mempunyai hak pendidikan sama rata walaupun mereka berbeza kaum dan agama.

"Kita haruslah berbangga dengan negara kita, bukan sekadar mendengar atau melaungkan 'Merdeka' tetapi perlu difahami, dijiwai dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian kita," ujarnya.

Katanya adalah penting juga bagi rakyat di negara ini memupuk semangat ingin merdeka daripada pemikiran negatif untuk diri sendiri serta menanam semangat sama dalam kalangan kanak-kanak, keluarga, organisasi dan juga negara.

Program anjuran bersama Putra Associates itu bertujuan menerapkan semangat patriotik ke dalam diri lebih 160 kanak-kanak yang berusia antara lima dan enam tahun di pusat berkenaan.

Antara aktiviti lain yang turut diadakan sempena sambutan tersebut ialah perarakan kemerdekaan mengibarkan Jalur Gemilang, pertandingan menghasilkan buku skrap merdeka, pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik dan

pertandingan pakaian etnik.